

Headline	Gangguan elektrik jejas perniagaan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	2	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	316 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,628
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,884



SESB digesa stabilkan bekalan  
di Estet Perindustrian Lok Kawi

# Gangguan elektrik jejas perniagaan

**Sherell Ann Jeffrey**

PAPAR: Pengusaha kilang yang tidak senang hati di kawasan Estet Perindustrian Lok Kawi Fasa 2 di Km 19, Jalan Papar Lama di sini mahu Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) menstabilkan bekalan kuasa di kawasan mereka.

Mereka mendakwa bahawa mereka menghadapi gangguan kuasa setiap hari selama lebih tiga bulan sejak Mei dan bimbang mereka akan mengalami lebih banyak kerugian sekiranya tindakan tidak diambil untuk menyelesaikan masalah itu.

Seorang jurucakap untuk kumpulan itu, hanya dikenali sebagai Fung, berkata mereka membuat banyak aduan sejak Mei kepada SESB mengenai gangguan kuasa kerap itu yang mengganggu kegiatan perniagaan mereka serta menjejaskan pendapatan mereka.

"SESB telah menghantar kakitangan mereka untuk memeriksa kawasan itu tetapi sehingga hari ini masalah itu kekal, dan kami menghadapi ketiadaan bekalan kuasa sehingga enam jam setiap

hari," katanya, menambah bahawa masalah itu juga berlaku pada waktu malam.

"Gangguan bekalan elektrik itu juga menyebabkan kerosakan bukan saja kepada pemampat kami, tetapi peralatan lain termasuk produk kami juga," kata seorang pemilik pemprosesan aiskrim.

Menurut Fung, terdapat lebih sepuluh kilang yang mengeluarkan pelbagai produk di kawasan itu dan semua mengalami perkara sama.

"Setiap kali kami menghubungi pejabat SESB, orang yang mengendalikan telefon nampaknya bersikap tak acuh terhadap masalah kami, sebab itu kami mengambil keputusan untuk mengemukakan rungutan kami kepada media kerana aduan kami tidak diendahkan," katanya.

"Kami hanya mahu SESB menyelesaikan masalah itu secepat mungkin," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Biro Aduan DAP Tan Lee Fatt yang hadir sama menasihatkan mereka untuk membuat lapo-

ran polis tentang perkara itu dan menghantar laporan itu ke pejabat SESB di Tanjung Aru untuk membuat tuntutan mereka.

Beliau berkata mereka juga boleh menghubungi pejabat SESB di Tanjung Aru pada 088-282 632, menambah adalah penting untuk mereka memaklumkan SESB tentang sebarang gangguan kuasa agar tindakan segera dapat diambil untuk menyelesaikan masalahnya.

Sehubungan itu, beliau berharap SESB akan mengambil perhatian terhadap masalah itu dan menguruskannya secepat mungkin.

"SESB sepatutnya mengambil tindakan segera selepas dimaklumkan tentang masalah itu daripada biarkannya berterusan sehingga tiga bulan sampai hari ini," katanya.

Seorang jurucakap SESB apabila dihubungi berkata mereka akan menyiasat dakwaan itu dan berusaha menyelesaikan masalah itu jika benar.

Headline	Gangguan elektrik jejas perniagaan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	20 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	2	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	316 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,628
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,884



**TAN (keempat dari kiri) bersama kumpulan itu berhampiran premis kilang yang terjejas.**